



Ruj : KKM.500/3/4/9 Jld.14(01)
Tarikh : **26** April 2024

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

HEBAHAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2024/2025 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN GUNASAMA/ KADER) LANTIKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempelawa **Pegawai Kumpulan Pelaksana (Bukan Gunasama/ Kader) lantikan KKM** yang berminat dan berkelayakan untuk memohon kemudahan Cuti Belajar bagi pengajian di peringkat **Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda (Tawaran E) secara sepenuh masa** seperti berikut:

- (i) **Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP); atau**
- (ii) **Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).**

3. Syarat-syarat permohonan dan maklumat lengkap mengenai tawaran ini boleh dilayari melalui Sistem eHLP KKM di pautan <http://ehlp.moh.gov.my> dengan merujuk di butang menu: Dokumen Muat Turun → Surat Penawaran Iklan → Kumpulan Pelaksana **mulai 26 April hingga 24 Mei 2024**. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dicetak dan ditandatangani oleh pemohon dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan **sebelum atau pada 31 Mei 2024** dan dikemukakan kepada:



**Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
(Program Kepakaran 1)
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, Menara Prisma, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, PUTRAJAYA
(u.p: Urus Setia Tawaran E)**

4. Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi tarikh tutup yang ditetapkan dan **permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.** Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kemudahan cuti belajar ini boleh diajukan ke e-mel: nurhanani.s@moh.gov.my.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua Pegawai Kumpulan Pelaksana yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(AZLAN BIN AHMAD)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan & Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN
IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM)

1. Pengarah Kanan
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Pengarah Kanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
4. Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Pembangunan
Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
Kementerian Kesihatan Malaysia
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

9. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi
Kementerian Kesihatan Malaysia
10. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Kesihatan Malaysia
11. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
12. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan & Penswataan
Kementerian Kesihatan Malaysia
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
Kementerian Kesihatan Malaysia
14. Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia
15. Pengarah Perkhidmatan Kejuruteraan
Bahagian Perkhidmatan Kejuteraan
Kementerian Kesihatan Malaysia
16. Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
17. Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Kementerian Kesihatan Malaysia

18. Ketua Audit Dalam
Cawangan Audit Dalam
Kementerian Kesihatan Malaysia

19. Ketua Unit
Unit Komunikasi Koporat
Kementerian Kesihatan Malaysia

20. Ketua Penolong Pegawai Perubatan
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI

1. Pengarah Kesihatan Negeri Johor
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
Johor

2. Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
1358, Jalan Kuala Kedah,
Taman Teratai Jingga,
05400 Alor Setar
Kedah

3. Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Aras 5, Wisma Persekutuan Kota Bharu
Jalan Bayam,
15590 Kota Bharu
Kelantan

4. Pengarah Kesihatan Negeri Melaka
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
Melaka

5. Pengarah Kesihatan Negeri Pahang
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
Pahang
6. Pengarah Kesihatan Negeri Perak
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Koo Chong Kong
30000 Ipoh
Perak
7. Pejabat Kesihatan Negeri Perlis
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis
8. Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jalan Residensi,
10450 George Town
Pulau Pinang
9. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah

10. Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching
Sarawak
11. Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C Seksyen 9
40100 Shah Alam
Selangor
12. Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
Negeri Sembilan
13. Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
Terengganu
14. Pengarah Kesihatan W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya
Jabatan Kesihatan W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
15. Pengarah Kesihatan W.P. Labuan
Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti Surat 80832
87018 Wilayah Persekutuan Labuan

16. Semua Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM)
17. Hospital Kuala Lumpur (HKL)
18. Institut Kesihatan Negara (NIH)
19. Institut Kanser Negara (IKN)

TAWARAN E

KEMUDAHAN CUTI BELAJAR TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA SEPENUH MASA SESI 2024/2025 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (BUKAN GUNASAMA/ KADER) LANTIKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

KETETAPAN DAN TATACARA PERMOHONAN BAGI TAWARAN E SESI 2024/2025

PENDAHULUAN

1. Kemudahan Cuti Belajar ini diberikan kepada **Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) (Bukan Gunasama/ Kader) lantikan tetap di KKM** bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda.
2. Tujuan kemudahan Cuti Belajar ini adalah untuk meningkatkan tahap pendidikan pegawai tetapi tidak menjanginkan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Malah, ia lebih menjurus kepada peluang pembangunan kompetensi dan kemahiran dalam sesuatu bidang untuk meningkatkan potensi pegawai.
3. PKP yang berjaya ditawarkan **Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBSG Tanpa HLP)** layak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun berkelayakan **atas kadar separuh** mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.
4. PKP yang berjaya ditawarkan **Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP)** tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.
5. PKP layak menerima kemudahan CBSG/CBTG maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi kursus Jangka Panjang.
6. Pegawai yang menerima tawaran ini adalah **terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia** bagi suatu tempoh yang dinyatakan atau ganti rugi sebanyak yang dinyatakan di dalam kontrak perjanjian pegawai dengan Kerajaan Malaysia.
7. Penerima kemudahan Cuti Belajar ini juga tertakluk kepada ketetapan dalam **Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JPA seperti di **Lampiran A**.

PERINGKAT, BIDANG DAN INSTITUSI PENGAJIAN

1. PKP boleh memohon kemudahan Cuti Belajar berikut bagi sesi 2024/2025 iaitu:-
 - i. **Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBSG Tanpa HLP)** bagi Kursus Dalam Negara/ Luar Negara; **ATAU**
 - ii. **Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (CBTG Tanpa HLP)** bagi Kursus Dalam Negara/ Luar Negara
2. Pegawai boleh memohon bidang/ kursus yang ditawarkan mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing seperti di **Lampiran B**. Sekiranya tidak tersenarai di Lampiran B, permohonan tersebut akan dikemukakan ke program untuk pertimbangan selanjutnya.
3. **Kursus yang diikuti hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**. Senarai kursus yang diiktiraf oleh MQA boleh disemak di <http://www2.mqa.gov.my/MQR>.
4. **Permohonan pegawai yang layak melepasi tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian**. Pegawai yang tidak memohon atau permohonan tidak melepasi tapisan KKM **walaupun telah ditawarkan tempat pengajian di institusi** tidak akan dipertimbangkan **sebarang Cuti Belajar**.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:-

1. Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) (Bukan Gunasama/ Kader) lantikan KKM yang sedang **berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
2. **Telah disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada 1 Januari 2024;
3. Mempunyai prestasi cemerlang dengan mencapai purata markah minimum Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **85% bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2021, 2022 & 2023)** dalam **skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
4. Had umur **tidak melebihi 45 tahun pada 1 Januari 2024** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1979 sahaja yang memenuhi syarat ini);

5. **Telah berkhidmat dalam lantikan tetap sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun** (lantikan selewat-lewatnya pada atau sebelum **1 Januari 2021**);
6. Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah **mengikuti kursus pada peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
7. Mematuhi syarat genap **tempoh tamat mengikuti kursus** jangka panjang/ sederhana/ pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (Dikira sehingga 1 Januari 2024)
Lebih 12 bulan	2 tahun
Lebih dari 3 bulan, Kurang dari 12 bulan	1 tahun
Kurang 3 bulan	Tiada

8. **Tidak pernah menerima** sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
9. **Tidak pernah gagal atau menarik diri** daripada sebarang kursus yang mendapat tajaan daripada Kerajaan Malaysia sebelum ini;
10. **Tidak pernah menolak tawaran** Cuti Belajar yang ditawarkan di dalam tempoh **dua (2) sesi** yang lepas;
11. **Masih belum mendapat tawaran melanjutkan pengajian atau telah mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang yang ditetapkan seperti di Lampiran B** di mana-mana institusi pengajian di dalam/ luar negara;
12. Permohonan **disokong Pegawai Penilai Pertama dan Ketua Jabatan serta diperakui Pengarah Kesihatan Negeri dan Ketua Program mengikut Skim Perkhidmatan**;
13. **Tidak dibenarkan menukar kaedah Cuti Belajar yang telah ditawarkan** semasa dalam pengajian. Contohnya, pegawai yang telah menerima tawaran CBTG Tanpa HLP tidak dibenarkan memohon CBSG Tanpa HLP semasa dalam pengajian;

14. **Bersih/ bebas** daripada sebarang pertuduhan/ prosiding dan tindakan **tatatertib**, siasatan dan/ atau dalam proses dakwaan mahkamah;
15. **Bukan Peminjam Tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam **senarai hitam** Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja yang lain;
16. **Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini**;
17. Bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk menjalani program latihan (*unsuitable to pursue training*) dari segi fizikal dan mental seperti di **Lampiran C**; dan
18. Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam **JPA(L)S.175/4/1-1 KLT.8(22) – “Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa”** seperti di **Lampiran D**.

TATACARA PERMOHONAN

A. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PEMOHON

1. Borang permohonan Cuti Belajar boleh diakses di Sistem eHLP KKM melalui pautan <http://ehlp.moh.gov.my> dengan merujuk di butang menu: Dokumen Muat Turun → Surat Penawaran Iklan → Kumpulan Pelaksana **mulai 26 April hingga 24 Mei 2024**.
2. Pegawai dinasihatkan untuk memahami **syarat-syarat dan mengikuti tatacara permohonan yang telah ditetapkan**. Permohonan yang tidak memenuhi syarat atau tidak lengkap akan ditolak.
3. Dokumen yang **WAJIB** dihantar ke BPL, KKM adalah seperti berikut:-
 - i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi melalui link: <https://shorturl.at/jrvM2> hendaklah **dimuat turun, dicetak sebanyak dua (2) salinan**;

- ii. **Dua (2) dokumen asal** pengakuan pemohon, sokongan Pegawai Penilai Pertama dan Ketua Jabatan serta perakuan Pengarah Kesihatan Negeri yang telah lengkap diisi seperti di **Lampiran E**;
 - iii. Senarai kursus-kursus termasuk pos basik/ diploma lanjutan yang pernah diikuti seperti di **Lampiran F**;
 - iv. **Dua (2) salinan** buku perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan;
 - v. **Dua (2) salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan (bagi permohonan kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja);
 - vi. **Dua (2) salinan** Surat Tawaran dari Institusi/ Surat Tawaran Biasiswa dan dokumen kontrak yang telah disahkan salinan asal **sekiranya ada**; dan
 - vii. **Dua (2) salinan** Senarai Tugas terkini (seperti contoh di dalam MyPortfolio).
4. Borang permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Ketua Jabatan dan Pengarah Kesihatan Negeri** bagi mendapatkan sokongan dan perakuan.
 5. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap, tidak melalui Pegawai Penilai Pertama, Ketua Jabatan dan Pengarah Kesihatan Negeri atau tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan secara automatik **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN.**
 6. **Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan dan dihantar pada atau sebelum 31 Mei 2024 melalui Ketua Jabatan** ke alamat berikut:

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
(Program Kepakaran 1)
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, Menara Prisma, No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675 Putrajaya
(u.p: Urus setia Tawaran E)

B. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/ PENYELIA

1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk **memperakukan hanya calon yang bersesuaian dan berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan**.
2. Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan untuk CBSG Tanpa HLP atau CBTG Tanpa HLP pada Sesi 2024/2025 ini. Sekiranya calon yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan berjaya ditawarkan Cuti Belajar ini, Ketua Jabatan berkenaan perlu memberi pelepasan kepada calon untuk mengikuti pengajian.
3. Dimaklumkan bahawa tempoh CBSG Tanpa HLP atau CBTG Tanpa HLP Kumpulan Pelaksana adalah selama tiga (3) hingga empat (4) tahun bagi Ijazah Sarjana Muda dan dua (2) hingga tiga (3) tahun bagi Diploma.

C. JADUAL PELAKSANAAN TAWARAN E 2024/2025

1. Keputusan akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi pegawai. Surat tawaran bersyarat dan dokumen perjanjian akan dihantar oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), KKM kepada pegawai yang berjaya sahaja.
2. Pegawai akan diberikan tempoh **selama setahun untuk mengemukakan surat tawaran dari institusi dan menyempurnakan borang perjanjian**. Oleh itu, semasa membuat permohonan, surat tawaran dari institusi bukan merupakan dokumen wajib yang perlu dihantar ke BPL.
3. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut (***tertakluk kepada pindaan***):

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Permohonan Cuti Belajar Tawaran E boleh diakses di Sistem eHLP KKM melalui pautan http://ehlp.moh.gov.my dengan merujuk di butang menu: Dokumen Muat Turun → Surat Penawaran Iklan → Kumpulan Pelaksana	26 April hingga 24 Mei 2024
ii.	Tarikh tutup penerimaan dokumen hard copy di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.	31 Mei 2024
iii.	Keputusan Tawaran E akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi pegawai.	Julai 2024

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kemudahan cuti belajar ini boleh diajukan kepada pihak urus setia melalui:

1. Puan Nur Hanani binti Selamat
nurhanani.s@moh.gov.my
03-8885 0772
2. Puan Norulhuda binti Ghazali
norulhuda.ghazali@moh.gov.my
03-8885 0600 samb. 6133
3. Cik Hafizah binti Ali
psuldp1@moh.gov.my
03-8885 0600 samb. 6201



SENARAI SEMAK
PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR TANPA HADIAH LATIHAN
PERSEKUTUAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN SECARA
SEPENUH MASA SESI 2024/2025 KEPADA PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA
(BUKAN GUNASAMA/ KADER) LANTIKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dokumen yang **WAJIB** dihantar ke BPL, KKM adalah seperti berikut:-

- i. Borang permohonan yang telah lengkap diisi melalui link: <https://shorturl.at/jrvM2> hendaklah **dimuat turun, dicetak sebanyak dua (2) salinan**;
- ii. **Dua (2) dokumen asal** pengakuan pemohon, sokongan Pegawai Penilai Pertama dan Ketua Jabatan serta perakuan Pengarah Kesihatan Negeri yang telah lengkap diisi seperti di **Lampiran E**;
- iii. Senarai kursus-kursus termasuk pos basik/ diploma lanjutan yang pernah diikuti seperti di **Lampiran F**;
- iv. **Dua (2) salinan** buku perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan;
- v. **Dua (2) salinan** Sijil Diploma yang telah disahkan (bagi permohonan kursus peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja);
- vi. **Dua (2) salinan** Surat Tawaran dari Institusi/ Surat Tawaran Biasiswa dan dokumen kontrak yang telah disahkan salinan asal **sekiranya ada**; dan
- vii. **Dua (2) salinan** Senarai Tugas terkini (seperti contoh di dalam MyPortfolio).

Link Google Form
Borang Permohonan
Tawaran E Sesi
2024/2025:

<https://shorturl.at/jrvM2>

LAMPIRAN A –

**TINDAKAN
PENALTI**

**JENIS-JENIS TINDAKAN PENALTI YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG
BIASISWA DALAM PERKHIDMATAN YANG GAGAL MENAMATKAN PENGAJIAN
DENGAN JAYA**

BIL.	PERKARA	PENALTI YANG DIKENAKAN
1.	Masalah disiplin	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.
2.	Menarik diri	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan kecuali sebab tarik diri adalah di atas kepentingan perkhidmatan (yang dapat dibuktikan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan).
3.	Tidak mencapai markah lulus / syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti / kolej / institusi	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; dan iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.
4.	Tamat tempoh penajaan	i. Bayaran ganti rugi sepenuhnya atas kadar yang ditetapkan di dalam perjanjian; ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; iii. Tidak layak ditawarkan Biasiswa Dalam Perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan; dan iv. Tidak layak dipertimbangkan sebarang bentuk Cuti Belajar di sepanjang tempoh perkhidmatan.

PENGECUALIAN KEPADA TUNTUTAN GANTI RUGI		
5.	Penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (<i>unfit to practice</i>) dari segi fizikal dan mental seperti yang terkandung di dalam Akta Perubatan 1971 seperti di Lampiran C	<ul style="list-style-type: none">i. Tiada tuntutan ganti rugi dikenakan;ii. Pelaksanaan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan; daniii. Tidak layak ditawarkan biasiswa dalam perkhidmatan sepanjang tempoh berkhidmat dengan Kerajaan.

Kutipan balik ganti rugi akan dibuat sebaik sahaja pegawai ditamatkan penajaan kerana gagal menamatkan pengajian dengan jaya.

LAMPIRAN B – BIDANG KURSUS

PROGRAM FARMASI

LAMPIRAN B**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PENOLONG PEGAWAI FARMASI UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025**

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Ijazah Sarjana Muda Farmasi	Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang diiktiraf oleh MQA dan Kerajaan Malaysia
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Teknologi Farmaseutikal)	
3.	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Farmaseutikal) dengan Kepujian	
4.	Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia Farmaseutikal	

**PROGRAM
KESELAMATAN &
KUALITI MAKANAN**

LAMPIRAN B

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025		
BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Bachelor Sains dan Teknologi Makanan	Universiti Putra Malaysia (UPM)
2.	Bachelor of Technology (Hons) (Food) Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Makanan)	Universiti Sains Malaysia (USM)
3.	Ijazah Sarjana Muda Sains dan Keujian (Sains Makanan dan Pemakanan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4.	Ijazah Sarjana Muda Sains dan Keujian (Sains Makanan dan Pengurusan Perniagaan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
5.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Keujian) Pengurusan Kualiti Makanan	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
6.	Sarjana Muda Sains (Keujian) Sains dan Teknologi Makanan	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
7.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Keujian) Pengurusan Sains Makanan	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
8.	Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dengan Keujian (Teknologi Makanan dan Bio proses)	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
9.	Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dengan Keujian (Sains Makanan dan Pemakanan)	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10.	Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan keujian	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)
11.	Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
12.	Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Keujian	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
13.	Sarjana Muda Sains (Keujian) Sains Makanan	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
14.	B.Sc (Hons) Food Science & Nutrition	UCSI University
15.	Bachelor of Science (Hons) (Food Science & Technology)	Monash University Malaysia
16.	Bachelor of Science (Hons) (Food Science with Nutrition)	Taylor's University

PROGRAM KEJURUTERAAN

LAMPIRAN B**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PENOLONG JURUTERA (AWAM, ELEKTRIKAL, MEKANIKAL DAN BIOMEDIKAL) UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025**

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Kepujian	Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang diiktiraf oleh MQA dan Kerajaan Malaysia
2.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian	
3.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian	
4.	Sarjana Muda Kejuruteraan Biomedikal Dengan Kepujian	

**PROGRAM SAINS
KESIHATAN
BERSEKUTU**

LAMPIRAN B**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS SESI 2024/2025****JAWATAN: JURU X-RAY TERAPI**

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Diagnostik Dan Radioterapi (Kepujian)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2.	Ijazah Sarjana Muda Pengimejan Diagnostik Dan Radioterapi	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3.	Bachelor In Medical Imaging & Radiotherapy (Hons)	Asia Metropolitan University (AMU)

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025**JAWATAN: PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN**

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Bachelor Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
3.	Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran Dengan Kepujian	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4.	Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Kepujian) (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)	Universiti Sains Malaysia (USM)
5.	Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran (Kepujian)	UniKL MESTECH
6.	Bachelor Kesihatan Persekitaran dan Keselamatan	MAHSA University
7.	Ijazah Sarjana Muda Kesihatan Persekitaran (Kepujian)	City University

LAMPIRAN B

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025		
<u>JAWATAN: JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI)</u>		
BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	AIMST University
2.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	International Islamic University Malaysia
3.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	INTI International University
4.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	KPJ Healthcare University College
5.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	MAHSA University
6.	Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
7.	Sarjana Muda Fisioterapi (Kepujian)	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
8.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
9.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	University of Cyberjaya
10.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	UniKL
11.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	AMU Johor Bahru
12.	Bachelor of Physiotherapy (Honours)	SEGi University

- *Bagi profesion bawah SKB yang tidak tersenarai di Lampiran B, permohonan akan dikemukakan ke program untuk pertimbangan selanjutnya.*
- *Jika tidak mendapat sokongan dari Program, pegawai tidak layak untuk menerima tawaran Cuti Belajar*

PROGRAM KEJURURAWATAN

LAMPIRAN B

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI JURURAWAT UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025				
BIL.	BIDANG	INSTITUSI	KOD PROGRAM	NEC FIELD (National Education Code)
1.	Bachelor of Nursing (Honours)	International Islamic University Malaysia (IIUM)	MQA/FA10862	0913 (Nursing, Midwifery and Medical Assistant)
2.	Bachelor of Nursing with Honours	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Cheras	MQA/FA8743	
3.	Bachelor of Nursing with Honours	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan	MQA/FA12024	
4.	Bachelor of Nursing with Honours Previously known as: Bachelor of Nursing	Universiti Putra Malaysia (UPM)	MQA/FA6190	
5.	Bachelor of Nursing (Honours)	Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian	MQA/FA9774	
6.	Bachelor of Nursing (Honours)	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Puncak Alam	MQA/FA11701	
7.	Bachelor of Nursing Science	Universiti Malaya	MQA/FA8177	
8.	Sarjana Muda Sains Kejururawatan dengan Kepujian	Universiti Malaysia Sabah	MQA/PA 14685	
9.	Sarjana Muda Sains Kejururawatan (Kepujian)	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)	MQA/PA 12393	

Nota pemakluman:

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di atas tersenarai di Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-SISRAF).
- ii. ***Bachelor in Nursing di Semmelweis University, Budapest Hungary dan Bachelor of Science (Nursing) di Curtin University of Technology, Australia*** masih belum tersenarai di dalam e-SISRAF setakat April 2022.
- iii. Jika pegawai memilih untuk mengikuti pengajian ke institusi yang tersebut di perkara (ii), pegawai tidak melepasi salah satu syarat kenaikan pangkat bagi Jururawat Kumpulan Pelaksana ke Gred U42 iaitu perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Kejururawatan dari Institusi pengajian yang diiktiraf.

**PROGRAM
PENOLONG
PEGAWAI
PERUBATAN**

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN BAGI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025				
BIL.	BIDANG	INSTITUSI	KUATKUASA PENGIKTIRAFAN	KOD PROGRAM
1.	Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan dengan kepujian. EmMed (Hons)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	28 April 2008 Mesyuarat LPP Kali Ke-48	MQA/SWA0077
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan & Kesihatan dengan kepujian. Bachelor of Medical & Health Sciences (Hons)	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZa)	05 Nov 2018 Mesyuarat LPP Kali Ke-67	MQA/PA13086

Nota pemakluman:

- i. Senarai kursus Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di atas di Institusi Pengajian Tinggi Awam tersenarai dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (e-SISRAF) dan dipersetujui oleh Lembaga Pembantu Perubatan, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM.
- ii. Senarai ini telah dikemaskini sehingga 23 April 2024

PROGRAM PERGIGIAN

LAMPIRAN B

SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA SESI 2024/2025

JAWATAN:

- 1. JURUTERAPI PERGIGIAN**
- 2. JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN**

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
1.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2.	Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Fizik (Kepujian)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
3.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biokimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Biologi)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
5.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
6.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
7.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biokesihatan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
8.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biokimia)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
9.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Bioperubatan)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
10.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik)	Universiti Malaya (UM)
11.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia)	Universiti Malaya (UM)
12.	Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia dengan Kepujian	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
13.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
15.	Bachelor Sains Biokimia dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)
16.	Bachelor Sains Biologi dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)
17.	Bachelor Sains Fizik dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)
18.	Bachelor Sains Kimia dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)

LAMPIRAN B

BIL.	BIDANG	CADANGAN INSTITUSI
19.	Bachelor Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Putra Malaysia (UPM)
20.	Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
21.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Kimia)	Universiti Sains Malaysia (USM)
22.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Fizik)	Universiti Sains Malaysia (USM)
23.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan (Kepujian)	Universiti Sains Malaysia (USM)
24.	Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan dengan Kepujian	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
25.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
26.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
27.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
28.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) dengan Kepujian	Universiti Teknologi MARA (UiTM)
29.	Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia) dengan Kepujian	Universiti Teknologi MARA (UiTM)

LAMPIRAN C –

**SENARAI
PENYAKIT**

JENIS-JENIS PENYAKIT

- a. Penyakit Mental (*Mental illness*);
- b. Penyakit Sistem Saraf (Strok, *Dementia*) (*Neurological Illness*)
(*Cerebrovascular Accident, Dementia*);
- c. Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*);
- d. Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya [*Physical disabilities (or handicap)*];
- e. Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*);
- f. Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*).

Sumber rujukan: *Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council, MMC Guideline 001/2010

LAMPIRAN D – GARIS PANDUAN

JPA(L)S. 175/4/1-1 KLT. 8 (22)

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR KEPADA PEGAWAI
AWAM YANG MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN
KURSUS JANGKA PANJANG SECARA SEPENUH MASA**

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar pemberian kemudahan cuti belajar kepada pegawai awam bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang/secara sepenuh masa sama ada dengan biasiswa, tanpa biasiswa atau dengan tajaan persendirian.

TAFSIRAN

- 2 Bagi tujuan Garis Panduan ini;
- i. **“Biasiswa”** bermakna kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;
 - ii. **“Cuti Belajar”** (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

- iii. **“Kursus”** bermakna sebarang kursus atau latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali / latihan praktikal, program sangkutan/ *internship*;

- iv. **“Kursus Jangka Sederhana”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

- v. **“Kursus Jangka Panjang”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

- vi. **“Tempoh Cuti Belajar”** bermakna suatu tempoh yang diluluskan meliputi:
 - a. tempoh kursus yang diikuti termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik yang jatuh dalam masa kursus itu;

 - b. tempoh perjalanan ke tempat kursus dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat; dan/ atau

 - c. tempoh menunggu di luar negara yang tidak dapat dielakkan kerana urusan perjalanan setempat (Perintah Am 36 Bab C 1974).

LATAR BELAKANG

3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 telah menggariskan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Bagi menyokong dasar tersebut, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2005 yang merangkumi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematik dan komprehensif telah dikeluarkan sebagai garis panduan untuk memastikan supaya anggota awam dilengkapi dengan latihan berasaskan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

4. Bagi melengkapkan kedua-dua Dasar dan Pelaksanaan Pelan Latihan Sektor Awam tersebut, Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi dalam menguruskan pemberian cuti belajar kepada pegawai-pegawai yang ingin mengikuti kursus yang melebihi tiga bulan.

KATEGORI CUTI BELAJAR

5. Kemudahan cuti belajar dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

i. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

ii. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan atas kadar separuh mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

iii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

Cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut, pegawai tidak dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

PRINSIP-PRINSIP ASAS

6. Prinsip asas pemberian kemudahan cuti belajar adalah seperti berikut :

- i. Kuasa melulus cuti belajar adalah di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kecuali bagi Kementerian/ Jabatan yang telah diwakilkan kuasa oleh KPPA;
- ii. Cuti belajar boleh diberi kepada pegawai yang diluluskan mengikuti kursus atau pengajian yang melebihi tiga (3) bulan. Bagi kursus yang tempohnya tiga (3) bulan atau kurang, kelulusan menghadiri kursus yang diberikan oleh Ketua Jabatan adalah dianggap sebagai cuti menghadiri kursus;

- iii. Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar melebihi 12 bulan **di dalam atau luar negara**, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada **di dalam atau luar negara** selepas **genap dua (2) tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;
- iv. Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar kurang 12 bulan tetapi melebihi 3 bulan **di dalam atau luar negara**, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada **di dalam atau luar negara** selepas **genap satu (1) tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;
- v. Pegawai yang diluluskan untuk mengikuti pengajian atas pembiayaan Badan Swasta, Badan Bukan Kerajaan, Badan Antarabangsa atau Negara Asing boleh diberi kemudahan cuti belajar mengikut kelayakan masing-masing;
- vi. Pegawai yang pernah diluluskan cuti belajar tetapi gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan cuti belajar dari kategori yang sama. Pegawai berkenaan hanya boleh dipertimbangkan kemudahan cuti belajar di bawah kategori yang **lebih rendah** daripada kategori cuti belajar yang telah diluluskan sebelumnya. Contohnya, pegawai yang diluluskan CBSG tetapi gagal disebabkan oleh kelemahan akademik hanya layak dipertimbangkan CBTG;
- vii. Pegawai yang sedang bercuti belajar dan dikenakan tindakan tatatertib / disiplin atau tindakan mahkamah, akan ditamatkan cuti belajar ;

- viii. Pegawai yang menarik diri tanpa izin/kelulusan daripada mengikuti kursus/pengajian setelah diluluskan cuti belajar tidak layak dipertimbangkan untuk kemudahan cuti belajar seterusnya;
 - ix. Pegawai yang ingin memohon kemudahan cuti belajar untuk Kursus Jangka Panjang, kursus yang diikuti oleh pegawai mestilah pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
 - x. Pegawai dalam Kumpulan Sokongan hanya boleh diberi kemudahan cuti belajar untuk pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan / atau Ijazah Pertamahasaja;
 - xi. Tempoh cuti belajar **tidak boleh diambil kira** sebagai tempoh sedang berkhidmat bagi tujuan menyelesaikan tempoh ikatan perjanjian sebelumnya atau tempoh perkhidmatan wajib seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang melainkan dinyatakan sebaliknya; dan
 - xii. Pegawai yang diluluskan cuti belajar masih tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan lain-lain peraturan yang berkuat kuasa.
7. Kriteria pemberian cuti belajar, kesan terhadap perkhidmatan pegawai dan perkara lain yang berkaitan bagi setiap kategori cuti belajar adalah seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C.**
8. Pegawai yang diluluskan cuti belajar akan dikenakan ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan dan sekiranya melanggar syarat-syarat dalam

perjanjian akan dikenakan tuntutan ganti rugi sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

9. Bagi pegawai yang tidak dapat menghabiskan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan, pelanjutan cuti belajar boleh dipertimbangkan sekiranya pegawai memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

PERTANYAAN

10. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa ini, hendaklah dirujuk kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 6, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Perancangan Dan Dasar Latihan)**

**Telefon : 03-88853677 / 3367 / 3362
Faks : 03-88810742 / 0743
Emel : dasarlatihan@jpa.gov.my**

LAMPIRAN A

A. CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP)

Prinsip

1. Cuti ini diberikan kepada pegawai untuk mengikuti kursus bagi pembangunan kompetensi dan bukan untuk kemajuan kerjaya di mana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.

2. Pegawai layak mendapat kemudahan CBBP maksimum **dua kali** sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus Jangka Panjang.

Syarat-syarat Pemberian

3. Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Berkhidmat secara tetap;
 - ii. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
 - iii. Memperoleh markah purata Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut;
 - iv. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
 - v. Berumur tidak melebihi 46 tahun untuk peringkat Sarjana dan tidak melebihi 44 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) (Kursus Jangka Panjang) pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja

mengikut mana yang berkenaan (**syarat had umur ini tidak terpakai bagi Program Hadiah Latihan Persekutuan**);

- vi. Berumur tidak melebihi 46 tahun untuk Kursus Jangka Sederhana pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
- vii. Telah mendapat tempat di universiti/institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;
- viii. Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- ix. Telah mengisytiharkan harta; dan
- x. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

Kategori Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

4. Kemudahan CBBP dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- i. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB);
- ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Separa Biasiswa (CBBPSB);
dan
- iii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)

Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB)

5. CBBPDB boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang diluluskan mengikuti Kursus Jangka Panjang atau Kursus Jangka Sederhana yang mendapat biasiswa di bawah tajaan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Asing/ Badan Antarabangsa. Contoh kursus yang boleh dipertimbangkan

CBBPDB ialah kursus Ijazah Lanjutan (Sarjana dan Ph.D) di bawah Hadiah Latihan Persekutuan.

6. Pegawai di bawah tajaan Kerajaan Asing/ Badan Antarabangsa boleh dilanjutkan tempoh CBBP sekiranya diluluskan oleh penaja berkenaan sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Separa Biasiswa (CBBPSB)

7. CBBPSB boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang telah diluluskan CBBPDB (kecuali bagi pegawai di bawah tajaan Kerajaan Asing/ Badan Antarabangsa) tetapi tidak dapat menamatkan kursus atau pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemberian ini adalah dalam bentuk pelanjutan tempoh cuti belajar yang mana dalam tempoh tersebut hanya yuran pengajian sahaja yang layak diberikan.

8. CBBPSB juga boleh dipertimbangkan kepada pegawai di bawah *Spouse Programme* sekiranya memenuhi syarat-syarat yang sedang berkuatkuasa.

Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)

9. CBBPTB boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang telah diluluskan CBBPSB tetapi masih tidak dapat menamatkan kursus atau pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemberian ini adalah dalam bentuk pelanjutan tempoh cuti belajar.

10. CBBPTB boleh juga dipertimbangkan kepada pegawai yang ingin mengikuti kursus di bawah syarat khas dalam skim perkhidmatan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan atau kursus-kursus

Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) seperti Penolong Jururawat atau Jururawat Masyarakat yang mengikuti latihan Jururawat Terlatih.

11. CBBPTB juga boleh dipertimbangkan kepada pegawai yang ingin mengikuti Kursus Jangka Sederhana atau Kursus Jangka Panjang dengan pembiayaan sendiri tertakluk kepada perkara-perkara di perenggan 2 dan perenggan 3.

Pergerakan Gaji

12. Pegawai yang diluluskan CBBP boleh diberi pergerakan gaji sebenar sepanjang tempoh kursus sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002.

Kekananan

13. Tempoh CBBP tidak menjejaskan kekananan.

Pemangkuan

14. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBBP yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

Penilaian Tahap Kecekapan

15. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2002. Pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing di mana kos-kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pegawai dan tidak menjejaskan pengajian.

Kenaikan Pangkat

16. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Bayaran Elaun dan kemudahan

17. Pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Bayaran-bayaran yang terlibat adalah seperti di bawah :

i) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Pegawai dalam perkhidmatan yang dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan telah diluluskan CBBP melebihi tiga bulan, tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal **kecuali** bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pensyarah Perubatan yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan.

ii) Imbuhan Tetap Perumahan

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) akan diberi kepada pegawai sekiranya hanya diluluskan CBBP. Bagi pegawai yang diluluskan CBBP dengan ditawarkan biasiswa, mereka boleh memilih sama ada untuk menerima Imbuhan Tetap Perumahan atau Elaun Bantuan Sewa Rumah yang disediakan di bawah pakej biasiswa.

iii) Elaun Perumahan Wilayah

Elaun Perumahan Wilayah (EPW) tidak akan diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan.

- iv) Elaun Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Insentif Wilayah**
Pegawai yang menghadiri kursus melebihi tiga (3) bulan di dalam atau di luar negeri adalah **TIDAK** memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Oleh yang demikian, ketetapan telah dibuat bahawa:
- i) Pegawai yang mengikuti kursus/pengajian melebihi tiga (3) bulan di dalam negara akan dibayar Elaun Bantuan Sara Hidup untuk menggantikan BIW;
 - ii) pegawai yang berasal dan bertugas di Semenanjung Malaysia yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah/ Sarawak layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;
 - iii) pegawai yang berasal dari Sabah/ Sarawak dan bertugas di Semenanjung yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/ pengajian di Semenanjung layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;
 - iv) pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/ pengajian di Sarawak layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya; dan
 - v) pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/ pengajian di Sabah layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi pengajiannya.

Elaun/ Imbuhan Lain

18. Pegawai yang diluluskan CBBP layak menerima imbuhan/ elaun lain dengan kadar penuh daripada jumlah yang berkeelayakan.

Faedah Persaraan

19. Tempoh CBBP boleh di masuk kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuatkuasa.

Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

20. Pegawai yang menerima kemudahan CBBP adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN B

B. CUTI BELAJAR SEPARUH GAJI (CBSG)**Prinsip**

1. Cuti ini diberi kepada pegawai dalam perkhidmatan Kumpulan Sokongan bagi mengikuti kursus di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah Pertama di mana kelayakan yang diperolehi akan melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.

2. Pegawai layak mendapat kemudahan CBSG maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus Jangka Panjang.

Syarat-syarat Pemberian

3. Pegawai juga perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut :
 - i. Berkhidmat secara tetap;
 - ii. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
 - iii. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurang 85 peratus bagi tempoh sekurang-kurangnya genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut;
 - iv. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
 - v. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
 - vi. Telah mendapat tempat di universiti/ institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan;
 - vii. Mengikuti kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan;

- viii. Mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti;
- ix. Mendapat kelulusan penangguhan bayaran hutang dengan Kerajaan sekiranya ada sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 2005;
- x. Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- xi. Telah mengisytiharkan harta; dan
- xii. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

Pergerakan Gaji

- 4. Pegawai yang diluluskan CBSG boleh diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali pergerakan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Kekananan

- 5. Tempoh CBSG tidak menjejaskan kekananan.

Pemangkuan

- 6. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBSG yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

Penilaian Tahap Kecekapan

7. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002. Pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing di mana kos-kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pegawai dan tidak menjejaskan pengajian.

Kenaikan Pangkat

8. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Bayaran Elaun dan kemudahan

9. Pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai yang diluluskan CBSG adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Bayaran-bayaran yang terlibat adalah seperti di bawah :

i) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Pegawai dalam perkhidmatan yang dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan telah diluluskan CBSG melebihi tiga bulan tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

ii) Imbuan Tetap Perumahan

Imbuan Tetap Perumahan (ITP) akan diberi kepada pegawai sekiranya hanya diluluskan CBSG dengan kadar separuh daripada jumlah yang berkecukupan. Bagi pegawai yang diluluskan CBSG dengan ditawarkan biasiswa, mereka boleh memilih sama ada untuk menerima Imbuan Tetap Perumahan

atau Elaun Bantuan Sewa Rumah yang disediakan di bawah pakej biasiswa.

iii) Elaun Perumahan Wilayah

Elaun Perumahan Wilayah (EPW) tidak akan diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan.

iv) Elaun Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Insentif Wilayah

Pegawai yang menghadiri kursus melebihi tiga (3) bulan di dalam atau di luar negeri adalah **TIDAK** memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Oleh yang demikian, ketetapan telah dibuat bahawa:

- i) Pegawai yang mengikuti kursus/ pengajian melebihi tiga (3) bulan di dalam negara akan dibayar Elaun Bantuan Sara Hidup untuk menggantikan BIW;
- ii) Pegawai yang berasal dan bertugas di Semenanjung Malaysia yang diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah/ Sarawak layak dibayar Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajiannya;
- iii) Pegawai yang berasal dari Sabah/ Sarawak dan bertugas di Semenanjung yang diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/pengajian di Semenanjung layak dibayar Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajiannya;
- iv) Pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/ pengajian di

Sarawak layak menerima Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajiannya; dan

- v) Pegawai yang berasal dan bertugas di Sarawak dan diluluskan CBSG untuk mengikuti kursus/ pengajian di Sabah layak menerima Bantuan Sara Hidup atas kadar separuh mengikut lokasi pengajiannya.

Elaun/ Imbuhan Lain

10. Pegawai yang diluluskan CBSG layak menerima imbuhan/ elaun lain dengan kadar separuh daripada jumlah yang berkeelayakan.

Faedah Persaraan

11. Tempoh CBSG boleh dimasukkan kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuatkuasa.

Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

12. Pegawai yang menerima kemudahan CBSG adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN C

C. CUTI BELAJAR TANPA GAJI (CBTG)**Prinsip**

1. Cuti ini diberikan kepada pegawai bagi mengikuti kursus di peringkat Pra-Ijazah (Sijil atau Diploma), Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan yang tidak layak dipertimbangkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh atau Cuti Belajar Separuh Gaji.

2. Pegawai layak mendapat kemudahan CBTG maksimum dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan, sama ada kursus di peringkat Sijil/ Diploma/ Ijazah Pertama atau Ijazah Lanjutan. Kelulusan kali kedua boleh dipertimbangkan di peringkat pengajian yang lebih tinggi daripada yang sebelumnya.

Syarat-syarat

3. Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti mana berikut:

- i. Berkhidmat secara tetap;
- ii. Disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
- iii. Memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurang 85 peratus bagi tempoh sekurang-kurangnya genap dua (2) tahun kalendar berturut-turut;
- iv. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/ Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- v. Berumur tidak melebihi 45 tahun bagi pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Pertama, 46 tahun bagi pengajian di peringkat Sarjana dan 44 tahun bagi pengajian di peringkat

- vi. Ph.D pada tarikh tutup permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan penaja mengikut mana yang berkenaan;
- vii. Telah mendapat tempat di universiti/ institusi pengajian;
- viii. Mengikuti kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- ix. Mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti;
- x. Mendapat kelulusan penangguhan bayaran hutang dengan Kerajaan sekiranya ada sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 2005;
- xi. Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- xii. Telah mengisytiharkan harta; dan
- xiii. Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

Pergerakan Gaji

4. Pegawai yang diluluskan CBTG boleh diberi pergerakan gaji secara isyarat tidak lebih daripada tiga kali pergerakan gaji sepanjang tempoh perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Kekananan

5. Tempoh CBTG layak diambil kira untuk kekananan.

Pemangkuan

6. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBTG yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993.

Penilaian Tahap Kecekapan

7. Pegawai boleh dibenarkan menduduki Penilaian Tahap Kecekapan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan sebagaimana Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002. Pegawai perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing di mana kos-kos berkaitan adalah di bawah tanggungan pegawai dan tidak menjejaskan pengajian.

Kenaikan Pangkat

8. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Bayaran Elaun dan Kemudahan

9. Pegawai yang diluluskan CBTG tidak layak menerima sebarang gaji, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Imbuhan Tetap Perumahan, Elaun Perumahan Wilayah dan elaun-elaun lain mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

Faedah Persaraan

10. Tempoh CBTG boleh di masuk kira untuk tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen tertakluk kepada syarat memenuhi semua kriteria sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998.

Tempoh Ikatan Kontrak Dan Tuntutan Gantirugi

11. Pegawai yang menerima kemudahan CBTG adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian sebagaimana dasar yang sedang berkuatkuasa.

LAMPIRAN E – PERAKUAN

PENGAKUAN PEMOHON (*Potong yang tidak berkaitan)

- a. Saya *telah/ belum mengisytiharkan harta **dalam tempoh lima (5) tahun terkini**;
- b. Saya *pernah/ tidak pernah memohon Cuti Belajar Separuh Gaji/ Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan;
Jika pernah, nyatakan tahun Permohonan: _____
- c. Saya mengaku bahawa saya telah baca dan faham mengenai Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti kepada Pemegang Biasiswa dalam perkhidmatan yang gagal menamatkan pengajian dengan jayanya seperti di **Lampiran A**;
- d. Saya dengan ini mengaku bahawa saya bebas daripada penyakit yang menjejaskan keupayaan menjalani program latihan (*unsuitable to pursue training*) dari segi fizikal dan mental seperti di **Lampiran C**; dan
- e. Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan permohonan ini adalah lengkap. Sekiranya kenyataan yang diberikan tidak benar atau permohonan ini tidak lengkap, saya bersetuju bahawa pihak Kementerian berhak membatalkan permohonan Cuti Belajar ini serta-merta tanpa memaklumkan kepada saya terlebih dahulu.

Tandatangan:

Nama Pemohon:

Jawatan:

Tarikh:

**PERMOHONAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN
BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. NAMA PEGAWAI											
2. NO. KAD PENGENALAN											
3. KURSUS DIPOHON											
4. TEMPAT KURSUS											
5. TEMPOH KURSUS											
6. PENGESAHAN SUMBER MANUSIA (SM)											
A. TATATERTIB		B. REKOD CSG/ CTG	C. MARKAH LNPT								
<input type="checkbox"/> ADA <input type="checkbox"/> TIADA JIKA ADA, NYATAKAN: i. ii.		<input type="checkbox"/> ADA <input type="checkbox"/> TIADA JIKA ADA, NYATAKAN: i. ii. iii.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>TAHUN</th> <th>MARKAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2021</td> <td></td> </tr> <tr> <td>2022</td> <td></td> </tr> <tr> <td>2023</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	TAHUN	MARKAH	2021		2022		2023	
TAHUN	MARKAH										
2021											
2022											
2023											
			PENGESAHAN SM Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:								
<i>(sertakan lampiran jika ruang tidak mencukupi)</i>											
7. SOKONGAN PEGAWAI PENILAI PERTAMA		8. SOKONGAN KETUA JABATAN									
Saya dengan ini *menyokong/ tidak menyokong permohonan pegawai yang tersebut di atas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2024/2025. Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:		Saya dengan ini *menyokong/ tidak menyokong permohonan pegawai yang tersebut di atas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2024/2025. Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:									
9. PERAKUAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI											
Saya dengan ini *memperaku/ tidak memperaku permohonan pegawai yang tersebut di atas untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan secara sepenuh masa bagi sesi 2024/2025. Tandatangan: Nama: Jawatan: Cop Rasmi: Tarikh:											

(*Potong yang tidak berkaitan)

**LAMPIRAN F –
SENARAI KURSUS**

**SENARAI KURSUS-KURSUS TERMASUK POS BASIK/ DIPLOMA
LANJUTAN YANG PERNAH DIIKUTI**

BIL.	NAMA KURSUS	ANJURAN	TEMPAT	TEMPOH/ TARIKH
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				